

## SOALAN LAZIM - HIBAH TH 2017

### 1. Berapakah Hibah Pendeposit TH 2017?

Lembaga Tabung Haji (TH) telah mengisytiharkan pembayaran **Hibah Pendeposit Tahunan TH sebanyak 4.50% dan Hibah Haji sebanyak 1.75%** kepada pendeposit yang layak bagi tahun kewangan 2017.

### 2. Apakah kadar pengagihan Hibah TH?

Pengagihan hibah TH 2017 adalah pada kadar **6.25 peratus** yang akan memberi **manfaat kepada 8.7 juta pendeposit atau 93 peratus** pendeposit yang masih belum menunaikan ibadat haji. Manakala, **0.6 juta pendeposit** yang telah menunaikan haji akan **menerima hibah** pada kadar **4.50 peratus**.

### 3. Apakah Hibah Tahunan?

Hibah Tahunan adalah “hadiah” yang diisytihar oleh TH, berdasarkan **konsep Wadiah Yad Dhamanah** iaitu mengikut kemampuan kewangan TH pada tahun semasa.

### 4. Apakah Hibah Haji ?

**Hibah Haji adalah “hadiah khas”** yang diberikan kepada pendeposit TH yang masih belum pernah menunaikan haji dan terhad kepada bayaran haji semasa (RM9,980).

### 5. Siapakah yang layak menerima Hibah Tahunan?

Semua pendeposit yang mempunyai akaun simpanan TH yang **berstatus aktif sehingga 31 Disember 2017**, layak menerima hibah tahun 2017 pada kadar yang diisytiharkan.

**6. Siapakah yang layak menerima Hibah Haji?**

Semua pendeposit yang mempunyai akaun simpanan **TH** yang **berstatus aktif sehingga 31 Disember 2017** dan belum pernah menunaikan haji.

**7. Bagaimanakah bayaran Hibah Tahunan dan Hibah Haji dibuat?**

Kedua-dua **bayaran hibah ini akan dikreditkan terus ke dalam akaun pendeposit.**

**8. Bilakah Hibah Pendeposit TH 2017 boleh disemak?**

Hibah Pendeposit **TH 2017** boleh disemak **bermula Isnin, 12 Februari 2018.**

**9. Adakah pendeposit yang mempunyai akaun pelaburan KWSP di TH layak menerima hibah haji?**

Tidak, kerana **hibah haji hanya diberikan kepada pendeposit yang mempunyai akaun simpanan TH dan belum pernah menunaikan haji.**

**10. Bagaimanakah cara pengiraan Hibah Tahunan TH 2017?**

**Akaun Pendeposit TH Aktif**

Kiraan:

**Baki purata minima bulanan X 4.50%**  
(Januari-Disember 2017/12 Bulan) X 4.50%

**11. Bagaimanakah cara pengiraan Hibah Haji?**

**Akaun Pendeposit Belum Tunai Haji**

Akaun simpanan yang baki purata RM9,980 atau kurang

Kiraan:

**Baki purata minima bulanan (tertakluk kepada maksimum RM9,980.00) X 1.75%**  
(Januari-Disember 2017/12 Bulan) X 1.75%